




SIARAN AKHBAR

INDEKS HARGA HARTANAH KEDIAMAN (RPPI)  
 NEGARA BRUNEI DARUSSALAM BAGI SUKU KE-EMPAT (Q4 2024)


1. Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) telah menerbitkan Indeks Harga Hartanah Kediaman atau Residential Property Price Index (RPPI) Negara Brunei Darussalam bagi suku ke-empat 2024 (Q4 2024). Indeks ini dihasilkan dengan data yang diperolehi daripada bank-bank di Negara Brunei Darussalam, dan diterbitkan dengan kerjasama pihak Kementerian Pembangunan, khususnya Autoriti Kawalan Bangunan dan Industri Pembinaan (ABCI). RPPI mengukur kadar perubahan harga hartanah kediaman persendirian yang dibeli oleh isi rumah dari masa ke semasa.
2. Pada Q4 2024, RPPI menunjukkan penurunan sebanyak 2.5% tahun-ke-tahun kepada 89.5, berbanding dengan Q4 2023, dan penurunan sebanyak 4.3% berbanding dengan Q3 2024.

Tempoh	Indeks (Q1 2015 = 100)	Perubahan (%)	
		Dari Q4 2023	Dari Q3 2024
Q4 2024	89.5	-2.5%	-4.3%


RPPI (Q1 2015=100)



RPPI (PERUBAHAN % SUKU TAHUN-KE-SUKU TAHUN)



RPPI (PERUBAHAN % TAHUN-KE-TAHUN)



3. Berdasarkan data pinjaman bagi pembelian hartanah kediaman persendirian yang diperolehi daripada bank-bank, sebanyak 147 transaksi pembelian hartanah kediaman persendirian telah dicatat pada Q4 2024. Ini menunjukkan peningkatan sebanyak 9.7% dalam bilangan transaksi berbanding dengan Q3 2024 dan peningkatan sebanyak 7.3% berbanding dengan Q4 2023. Pada Q4 2024, sebahagian besar daripada transaksi tersebut adalah bagi pembelian rumah berasingan atau detached (53.1%), diikuti oleh rumah berkembar atau semi-detached (22.4%), rumah teres (19.7%), pangsapuri (4.1%), dan tanah (0.7%).
4. Harga penengah (median) bagi pembelian kesemua jenis hartanah kediaman persendirian pada Q4 2024 adalah BND240,500. Ini menunjukkan penurunan sebanyak 6.8% berbanding dengan Q4 2023, dan penurunan sebanyak 3.7% berbanding dengan Q3 2024. Harga penengah bagi pembelian rumah berasingan atau detached adalah BND260,000, bagi rumah berkembar atau semi-detached adalah BND218,000, bagi rumah teres adalah BND198,000, bagi pangsapuri adalah BND287,500, dan

bagi tanah adalah BND150,000. Pengiraan RPPI menggunakan harga penengah dan bukan harga purata kerana harga penengah tidak mudah terjejas oleh harga hartanah yang luar biasa dalam suatu tempoh masa.

5. Dari segi lokasi, kebanyakan pembelian hartanah persendirian pada Q4 2024 terletak di Daerah Brunei dan Muara (127 hartanah), diikuti oleh Daerah Belait (13 hartanah), dan Daerah Tutong (7 hartanah). Lima buah Mukim yang merekodkan jumlah transaksi yang tertinggi bagi Q4 2024 adalah Mukim Sengkurong, Mukim Kilanas, Mukim Pengkalan Batu, Mukim Mentiri dan Mukim Gadong.

Jumlah Transaksi pada Q4 2024 mengikut Daerah	
Brunei dan Muara	127
Belait	13
Tutong	7
Temburong	0

5 Mukim dengan Jumlah Transaksi Tertinggi pada Q4 2024	
Sengkurong	34
Kilanas	22
Pengkalan Batu	15
Mentiri	10
Gadong	10

6. Indeks dan statistik yang diterbitkan adalah untuk maklumat umum sahaja. Orang ramai adalah dinasihatkan untuk tidak hanya bergantung kepada indeks dan statistik tersebut untuk menilai mana-mana hartanah kerana harga hartanah kediaman persendirian adalah berbeza tertakluk antarlainnya kepada lokasi, saiz tanah dan keluasan lantai.
7. Bagi maklumat lanjut, nota teknikal dan data terkini boleh didapati di laman web BDCB [www.bdcg.gov.bn](http://www.bdcg.gov.bn). Maklumat terkini mengenai RPPI juga akan dikeluarkan dari masa ke masa melalui akaun Instagram BDCB @centralbank.brunei.

Brunei Darussalam Central Bank

Tarikh: 26 Ramadhan 1446H/ 27 Mac 2025M

Rujukan: BDCB/COMMS/3